

APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 13/2024

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin



**PAMERAN POSTER PROJEK PELAJAR
TAHUN AKHIR BAGI PROGRAM CS241,
CS248, CS249 DAN CS290, KAMPUS
SEREMBAN**

Ditulis oleh: Zati Aqmar Zaharudin, Zaitul Anna Melisa Md Yasin, Nur Amalina Shafie, Noorezatty Mohd Yusop, Isnewati Ab Malek, Siti Sarah Januri, Haslinda Ab Malek, Jaida Najihah Jamidin, Norani Amit, Fatimah Shahirah Sharil, Mohd Azdi Maasar, Noorehan Awang, Nur Hidayah Razali, Mohd Najir Tokachil, Noreha Mohamed Yusof, Norliza Mohd Yusof, Noraimi Azlin Mohd Nordin, Mat Salim Selamat, Az'lina Abdul Hadi, Muhamad Luqman Sapini, Nor Aishah Md Noh

Projek tahun akhir merupakan salah satu komponen penyelidikan yang berteraskan akademik. Bagi peringkat Sarjana Muda, komponen ini dijalankan secara ringkas dan tidak begitu mendalam, namun cukup jitu bagi membuka ruang persoalan subjektif yang mencabar minda dan menguji kebolehan pelajar-pelajar berfikir secara kritis dan kreatif. Kebolehan deduksi, kemahiran sintesis dan membuat keputusan yang optimal adalah diantara objektif yang digarapkan apabila menceburi bidang ini. Rentetan itu, penglibatan pelajar secara langsung dalam penyelidikan amatlah penting dan wajar bagi memastikan nilai-nilai estetik diterapkan, terutamanya dalam


meningkatkan kebolehan membuat keputusan selain menerapkan daya saing yang sihat sesama mereka.

Pada 30 Januari 2024 yang lalu, ruangan legar Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS), Kampus Seremban telah dimeriahkan dengan program pameran poster projek pelajar tahun akhir bagi program statistik (CS241) dan program-program matematik (CS248, CS249 dan CS290) dari Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik (KPPIM), UiTMCNS, Kampus Seremban. Program ini telah melibatkan penyertaan hampir 183 orang pelajar dan bilangan poster yang dipertandingkan adalah lebih dari 72 poster. Penjurian poster ini telah melibatkan seramai 11 orang juri dari pelbagai bidang dan latar belakang. Program bermula seawal jam 8.30 pagi ini turut melibatkan keseluruhan pensyarah dari Kolej Pegajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik sebagai panel penilai. Di akhir program ini, kumpulan yang memenangi anugerah poster terbaik mengikut program diberikan hadiah berupa wang tunai buat pemenang.

Objektif pameran ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada pelajar untuk membentangkan projek tahun akhir yang telah dilaksanakan. Ia turut memberi ruang pendedahan kepada umum berkenaan

projek-projek tahun akhir yang melibatkan pelbagai bidang matematik dan statistik. Dari pertandingan ini, tahap kreativiti pelajar dari sudut yang berbeza dapat dilihat melalui penyediaan poster yang menarik. Malah, sifat budaya bersaing secara sihat dicerminkan oleh para pelajar apabila mereka mengambil inisiatif untuk menghias tapak pameran dengan hiasan-hiasan yang menarik dan unik.

Rajah 1 menunjukkan hasil analisis penilaian pelaksanaan program. Majoriti pelajar bersetuju program ini dapat memberikan pendedahan berkaitan projek-projek Sarjana Muda bagi program-program statistik dan matematik. Walaubagaimanapun terdapat pelajar yang menyatakan komen penambahbaikan iaitu meja berlainan untuk setiap pembentangan dan perlu menetapkan masa untuk beri kebenaran kepada panel menilai bukannya awal dari waktu yang ditetapkan.




Gambar 1. Penilaian Keseluruhan Program

Gambar 2 dan 3 antara gambar-gambar sepanjang program berlangsung.



Gambar 2. Pelajar-pelajar yang terlibat



Gambar 3. Pemenang poster terbaik bagi program statistik (atas) dan matematik (bawah)